

**PERTANDINGAN *PHOTOJOURNALISM*
SEMPENA SAMBUTAN HARI LANDSKAP
NEGARA 2025 (HLN2025)**

**“INDUSTRI LANDSKAP PEMACU
PEMBANGUNAN MADANI”**



**PERTANDINGAN PHOTOJOURNALISM
SEMPENA SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2025 (HLN2025)
“INDUSTRI LANDSKAP PEMACU PEMBANGUNAN MADANI”**

1.0 PENDAHULUAN

2.0 OBJEKTIF

3.0 PENYERTAAN

4.0 TEMA PERTANDINGAN

5.0 KRITERIA PENGHANTARAN

6.0 TERMA DAN RUJUKAN

7.0 HADIAH PERTANDINGAN

8.0 PERTANYAAN

PERTANDINGAN PHOTOJOURNALISM

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Photojournalism merupakan satu bentuk gambaran atau penceritaan berkenaan sesuatu perkara, peristiwa atau situasi yang dipersembahkan melalui gambar (foto) dan disokong oleh penerangan ringkas mengenai tema pertandingan.
- 1.2 Persembahan ini melibatkan penyediaan *storyboard* berdasarkan tema, pengumpulan gambar/foto serta kerja-kerja penyuntingan bagi menghasilkan satu persembahan dalam bentuk poster yang berkaitan dengan tema.
- 1.3 Persembahan ini bersifat penceritaan tentang sesuatu peristiwa atau situasi yang berlaku, seterusnya membentuk fakta yang berkait rapat dengan budaya/suasana persekitaran pada masa kini dan akan datang.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Memilih penceritaan visual terbaik selaras dengan tema sambutan Hari Landskap Negara 2025, serta mencari hasil fotografi yang menggambarkan atau menceritakan tema sambutan dengan cara yang paling berkesan dan kreatif. Secara tidak langsung, ia juga dapat memupuk minat orang ramai terhadap bidang photojournalism.
- 2.2 Meningkatkan kesedaran awam serta menggalakkan masyarakat memahami peranan industri landskap dalam membentuk persekitaran yang lestari, selesa dan inklusif, seperti yang digariskan dalam Dasar Landskap Negara.
- 2.3 Menyokong aspirasi Malaysia Madani dengan memvisualkan bagaimana industri landskap menyumbang kepada kesejahteraan rakyat, keharmonian sosial dan kelestarian alam, sejajar dengan nilai-nilai teras Kerajaan Madani ; dan
- 2.4 Mendokumentasikan perkembangan landskap negara melalui lensa photojournalism bertujuan menyemarakkan kreativiti dalam memaparkan elemen reka bentuk landskap yang mesra alam, mesra rakyat dan mampu meningkatkan kualiti hidup dalam persekitaran bandar dan luar bandar, termasuk taman awam, landskap bandar serta inisiatif komuniti ke arah persekitaran hijau dan sihat.

3.0 PENYERTAAN

- 3.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia kecuali urus setia pertandingan dan juri pertandingan.

4.0 TEMA PERTANDINGAN

4.1 “Industri Landskap Pemacu Pembangunan Madani”

Tema "*Industri Landskap Pemacu Pembangunan Madani*" menyerlahkan peranan penting Industri landskap dalam membentuk persekitaran hidup yang lestari, inklusif dan harmoni, sejajar dengan aspirasi Dasar Landskap Negara (DLN). Dasar ini menggariskan hala tuju pembangunan landskap yang berkualiti, memperkasakan elemen semula jadi dalam perancangan bandar serta menyokong keseimbangan antara pembangunan fizikal dan pemeliharaan alam sekitar. Seiring dengan gagasan Malaysia Madani, kerajaan menekankan keperluan ruang hijau awam yang mampu memperkukuh kesejahteraan rakyat, mengeratkan hubungan sosial serta meningkatkan nilai estetika persekitaran. Industri landskap kini menjadi pemacu ekonomi hijau melalui penggunaan teknologi mampan, reka bentuk berinovasi serta penglibatan komuniti dalam penjagaan taman dan kawasan hijau. Melalui lensa fotografi photojournalism, peserta diharap dapat merakam detik-detik yang menggambarkan bagaimana landskap memainkan peranan penting dalam membentuk negara yang sejahtera, berbudaya dan berdaya tahan demi generasi akan datang.

5.0 KRITERIA PENGHANTARAN

- 5.1 Semua penyertaan Poster Photojournalism (**softcopy**) hendaklah **bersaiz A2 (420mm x 594mm)** dalam **format PDF** dengan resolusi tinggi sekurang-kurangnya 300dpi atau format **Cetakan Berkualiti Tinggi**.
- 5.2 **Softcopy** : Semua penyertaan juga hendaklah **dalam format PDF** dan Sila labelkan fail penyertaan seperti berikut **Nama peserta_Kad Pengenalan_no.entri/bilangan.poster.pdf** ; (SaifulAtan_730910-10-5055_01.PDF).
- 5.3 **Gambar/foto sebanyak 4-8 nos** dengan labelkan fail penyertaan seperti berikut;..**Nama peserta_Kad.Pengenalan_bil.gambar-jumlah.gambar.jpg** ; (SaifulAtan_730910-10-5055_01-08.jpg).
- 5.4 Poster Photojournalism hendaklah berorientasi **potret** sahaja;
- 5.5 Gambar/foto di poster mestilah **di antara 4 - 8 keping gambar/foto terbaik** yang boleh diambil dari **Taman Rekreasi Madani di seluruh Malaysia atau Landskap Pembangunan Madani** yang diambil pada tahun **2025**.
- 5.6 Penceritaan (journalism) di antara **300** patah perkataan di dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris dan **Saiz font** hendaklah bersesuaian dengan Poster Photojournalism dalam kombinasi dan susun atur karya/ gambar/ foto yang dipilih.

6.0 TERMA DAN RUJUKAN

- 6.1 Pertandingan Photojournalism bermula dari **25 April 2025 (Jumaat)** dan Tarikh tutup pertandingan adalah pada **8 Jun 2024 (Ahad) jam 2400**. Pemenang akan dihubungi melalui surat /telefon/email dan akan dijemput hadir di pada majlis HLN2025 di Pasir Gudang, Johor Bahru.
- 6.2 Teknik 'cropped' atau 'etched' pada gambar/foto adalah dibenarkan. Gambar/foto hendaklah berwarna dan mengandungi imej atau elemen manusia atau orang awam yang menggunakan Taman Rekreasi Madani.
- 6.3 Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang dikehendaki, namun hanya boleh memenangi **satu hadiah saja**.
- 6.4 Kesemua gambar/foto dan penulisan yang diserahkan mestilah ASLI dan dihasilkan sendiri oleh peserta. Pengubahsuaian gambar/foto atau sebarang bentuk plagiat, tiruan, atau ciplakan adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali. Gambar juga tidak boleh diubah daripada imej asal. Dengan menyertai pertandingan ini, peserta bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa gambar dan penulisan yang dihantar tidak melanggar sebarang hak cipta, tanda dagangan, hak moral, hak harta intelek, atau hak privasi/publisiti mana-mana individu atau entiti. Tiada pihak lain boleh mempunyai sebarang hak, pemilikan, tuntutan, atau kepentingan terhadap gambar/foto atau penulisan yang diserahkan.
- 6.5 Dengan menyertai pertandingan ini, peserta juga perlu bersetuju :-
 - i. Terikat dengan peraturan rasmi penganjur; dan
 - ii. Penganjur berhak untuk menggunakan penyertaan yang berjaya seperti nama pemenang, artikel, gambar/foto dan suara dalam sebarang publisiti atau pengiklanan yang berkaitan dengan peraduan atau promosi masa depan tanpa pampasan atau kelulusan.
 - iii. Semua karya penyertaan akan menjadi hak penganjur dan tidak akan dikembalikan.
- 6.6 Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang penyertaan yang tidak mematuhi terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas.
- 6.7 Keputusan hakim adalah muktamad dan sebarang bentuk surat-menyurat tidak akan dilayan.
- 6.8 Semua penyertaan mestilah diemail kan ke **photojournalismjln2025@jln.gov.my** sebelum tarikh tutup penyertaan Pertandingan Photojournalism Jabatan Landskap Negara 2025. Maklumat yang perlu diemail adalah seperti berikut;

- i. **Sofcopy Poster Photojournalism format PDF berorientasikan potrait.**
- ii. **Gambar/foto sebanyak 4-8 nos format JPEG.**
- iii. **Borang Pelepasan Material yang telah ditandatangani.**

- 6.9 Untuk mendapatkan **terma dan syarat serta borang pelepasan material yang perlu ditandatangani, sila imbas Kod QR** pada Iklan Pertandingan Photojournalism Jabatan Landskap Negara 2025 atau dari laman web JLN (www.jln.gov.my).
- 6.10 Gunakan **Google Drive** atau **fail Zip** bagi memudahkan penghantaran fail ke e-mel **photojournalismjln2025@jln.gov.my**

7.0 HADIAH PERTANDINGAN :

Tempat pertama :	Wang tunai RM 3,000.00 + Sijil
Tempat kedua :	Wang tunai RM 2,000.00 + Sijil
Tempat ketiga :	Wang tunai RM 1,000.00 + Sijil

8.0 PERTANYAAN

- 8.1 Sebarang pertanyaan sila hubungi pegawai berikut : -

- i. En. Mohd Samsi Sumairi 03-80910550
- ii. En. Zulazmi b. Mamat 03-80910551
- iii. En. Raja Sharul Iskandar b. Raja Aris 03-80910552

Urusetia,
Pertandingan Photojournalism Sambutan Hari Landskap Negara 2025 (HLN2025)
Bahagian Pengurusan Landskap
Jabatan Landskap Negara,
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 9, Blok F10
Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F,
Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62000 Putrajaya

Contoh penyertaan Pertandingan Photojournalism.



Penerangan ;

1. “Layout” poster saiz A2 dan penceritaan mengikut kreativiti peserta. Fomat fail poster adalah “PDF” beresolusi tinggi atau format **Cetakan Berkualiti Tinggi**.
2. Poster adalah hanya berorientasi **potret**.
3. Gambar/foto di poster mestilah di antara **4 - 8 keping gambar/foto** terbaik yang boleh diambil dari **Taman Rekreasi Madani di seluruh Malaysia atau Landskap Pembangunan Madani** yang diambil pada tahun **2025**.
4. Penceritaan (journalism) di antara **300 patah perkataan** di dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

BORANG PELEPASAN MATERIAL

Dengan ini saya menyertai Pertandingan Photojournalism sempena Hari Landskap Negara 2025 dan memahami serta mematuhi syarat-syarat pertandingan dan perakuan seperti di bawah :

1. Saya merupakan pemilik atau/dan pemberi hak milik hasil rekabentuk, gambar/foto, penulisan dan hasil fotokopi yang dikemukakan kepada penganjur.

2. Saya membenarkan, bersetuju dan memahami keperluan penganjur untuk mengeluarkan, menerbit dan mencetak hak cipta hasil rekabentuk, gambar/foto, penulisan serta salinan fotokopi ini untuk diterbitkan/diedarkan bagi tujuan promosi, publisiti dan sebagainya di atas keperluan penganjur.

TANDATANGAN.....

TARIKH.....

Nota : Sila PDF kan borang ini dan emailkan bersama poster dan juga gambar

TAJUK

POSTER/PENYERTAAN.....
.....
.....
.....
.....

Nama.....

No.K/P.....

Pekerjaan.....

Tel(H/P).....

Alamat Surat

Menyurat.....
.....
.....
.....

Emel.....

***SILA GUNAKAN SATU BORANG BAGI SETIAP PENYERTAAN.
SALINAN ADALAH DIBENARKAN**



**HANTAR PENYERTAAN ANDA SEBELUM ATAU
PADA 8 Jun 2025 KEPADA:**

**Urusetia,
Pertandingan Photojournalism Sambutan Hari
Landskap Negara 2025 (HLN2025)
Bahagian Pengurusan Landskap
Jabatan Landskap Negara,
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 9, Blok F10
Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F,
Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62000 Putrajaya**

Untuk keterangan lanjut dan syarat penyertaan, sila
layari : <http://www.jln.gov.my>

Untuk kegunaan Jabatan Landskap Negara :